



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

**PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH PADA SETIAP
SOLAT FARDU DI MASJID DAN SURAU
SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
MULAI 9 NOVEMBER 2020
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. **Zon Merah**

- 1.1 **Solat Jumaat ditangguhkan** dan digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
- 1.2 Solat berjemaah pada setiap solat fardu hanya boleh dilaksanakan oleh **6 orang** jemaah yang terdiri dari kalangan pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Kariah.
- 1.3 Laungan azan solat fardu lima waktu hendaklah diteruskan seperti biasa dan pengumuman selepas azan hendaklah dibuat seperti berikut:

“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, azan sebentar tadi telah menandakan masuknya waktu solat fardu Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah”.
- 1.4 Semua aktiviti keagamaan seperti ceramah, kuliah pengajian antara Maghrib dan Isyak serta selepas solat Subuh, tahlil doa selamat dan sebagainya ditangguhkan.

2. Zon Kuning

- 2.1 Solat Jumaat hanya boleh dilaksanakan dengan had seramai **23 orang** ahli Jumaat (أهل الجمعة) yang terdiri dari kalangan pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Kariah. Para jemaah yang lain hendaklah menggantikan solat Jumaat dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
- 2.2 Solat berjemaah pada setiap solat fardu hanya boleh dilaksanakan oleh **23 orang** jemaah yang terdiri dari kalangan pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Kariah.
- 2.3 Laungan azan solat fardu lima waktu hendaklah diteruskan seperti biasa dan pengumuman selepas azan hendaklah dibuat seperti berikut:

“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, azan sebentar tadi telah menandakan masuknya waktu solat fardu Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah”.
- 2.4 Penganjuran kuliah pengajian antara solat Maghrib dan solat Isyak serta selepas solat Subuh dibenarkan pada skala kecil.

3. Zon Hijau

- 3.1 Solat Jumaat hanya boleh dilaksanakan dengan had seramai **40 orang** ahli Jumaat (أهل الجمعة) yang terdiri dari kalangan pegawai masjid, ahli Jawatankuasa Kariah dan ahli kariah. Para jemaah yang lain hendaklah menggantikan solat Jumaat dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
 - 3.2 Solat berjemaah pada setiap solat fardu hanya boleh dilaksanakan oleh **40 orang** jemaah yang terdiri dari kalangan pegawai masjid, ahli Jawatankuasa Kariah dan ahli kariah.
 - 3.3 Laungan azan solat fardu lima waktu hendaklah diteruskan seperti biasa dan pengumuman selepas azan hendaklah dibuat seperti berikut:

“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, azan sebentar tadi telah menandakan masuknya waktu solat fardu Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah”.
 - 3.4 Penganjuran kuliah pengajian antara solat Maghrib dan solat Isyak serta selepas solat Subuh dibenarkan pada skala kecil.
4. Ahli Jawatankuasa Kariah atau pegawai masjid hendaklah memberikan peringatan dan penerangan ringkas kepada jemaah untuk mematuhi garis panduan sebelum solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu dimulakan.
 5. Kehadiran menunaikan solat Jumaat di masjid dan surau, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

6. Penggunaan masjid dan surau diri Jumaat untuk pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu, hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
7. Jabatan Agama Islam Perak akan mengemaskini **status zon** di negeri Perak dari semasa ke semasa berdasarkan ketetapan oleh MKN dan KKM serta selanjutnya mengeluarkan satu garis panduan dan kaedah pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid dan surau di negeri Perak dan selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
24 Rabiulawal 1442H / 10 November 2020